



**TEKS UCAPAN  
YBRS.TUAN HAJI SHAMSUL SHAHRIL BADLIZA BIN  
MOHD NOOR  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI  
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 1/2021**

**27 JANUARI 2021, RABU**

**09:00 PAGI SECARA ATAS TALIAN (ONLINE)**

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

**Yang Berusaha Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman**  
Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri**  
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato'  
Hj Wan Mahmood Pa' Wan Teh**  
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

**Yang Berusaha Tuan Amir Fadzlee bin Khalid**  
Ketua WHIP Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.1/2021 bagi bulan Januari** pada pagi yang berbahagia ini.
2. Sekali lagi, saya mengucapkan tahniah kepada semua Ahli-Ahli Majlis yang telah dilantik semula dan juga kepada Ahli-Ahli Majlis yang baharu. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada mantan Ahli-Ahli Majlis yang telah menamatkan perkhidmatan mereka dengan cemerlang pada sesi yang lepas.

### **UCAPAN SEMPENA TAHUN BAHARU 2021**

3. Alhamdulillah kita masih dikurniakan umur yang panjang dan kesihatan yang sejahtera untuk melangkah ke tahun baharu ini. Pada saban tahun, kita menyambut tahun baharu dengan menilai semula kejayaan yang telah dicapai mahupun rintangan yang dilalui sepanjang tahun 2020. Pada tahun yang lepas, kita diuji dengan cabaran yang

cukup besar dan ketika ini kita masih lagi berdepan dengan pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia.

4. Dalam menghadapi suasana seperti ini, keutamaan MPS adalah untuk memastikan penyampaian perkhidmatan perbandaran adalah berterusan dan terbaik kepada masyarakat di seluruh pentadbiran Selayang. Kita juga memberi fokus kepada aspek keselamatan untuk memastikan masyarakat selamat terutamanya ketika berada di tempat-tempat awam di bawah pentadbiran MPS.
5. Selain itu juga, saya percaya warga kerja MPS serta tuan-tuan dan puan-puan semua telahpun bertungkus lumus dalam melaksanakan semua perancangan yang telah direncanakan pada sepanjang tahun 2020. Jadi, saya berharap pada tahun 2021 ini kita semua dapat terus melipat gandakan usaha dan meningkatkan perkhidmatan masing-masing demi nama baik dan imej MPS.

## **PEMBENTANGAN ZON JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP) DAN SENARAI AHLI JAWATANKUASA UTAMA MPS BAGI SESI 2021-2022**

6. Seperti semua sedia maklum, pada 6 Januari yang lalu, seramai 17 orang Ahli Majlis telah dilantik dan lantikan ini telah menjadikan jumlah keseluruhan Ahli Majlis adalah seramai 23 orang.

7. Dengan ini, saya bentangkan zon JKP dan Ahli Jawatankuasa Mesyuarat berdasarkan 13 jawatankuasa berkuatkuasa mulai 6 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2022 berdasarkan kepada beberapa kriteria utama seperti berikut:

7.1 Kuasa mutlak YDP

7.2 Perletakan Ahli Majlis berdasarkan ADN Kawasan

7.3 Kepadatan Penduduk dan Sempada Blok Pemajuan

7.4 Cadangan dan perbincangan Ketua WHIP setiap parti

<b>Nama Ahli Majlis</b>	<b>Zon</b>	<b>JAWATANKUASA YANG DIANGGOTAI</b>
Tuan Ahmad Farizal bin Manaff (PKR)	<p style="text-align: center;"><b>ZON 1</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kg. Simpang Tiga</li> <li>- Kg. Sg. Chinchin</li> <li>- Kg. Gombak Utara</li> <li>- Kg. Orang Asli</li> <li>- Gombak Utara</li> <li>- Kg. Sg. Salak</li> <li>- Kg. Sg. Pusu</li> <li>- Desa Gemilang</li> <li>- Taman Bukit Lela</li> <li>- Taman Mutiara Gombak</li> <li>- Taman Permai Jaya</li> <li>- Kg. Batu 11, 12, 13 Gombak</li> <li>- Universiti Islam Antarabangsa</li> <li>- Villa Bestari</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. J/K Perkhidmatan &amp; Teknologi Maklumat</li> <li>2. J/K Infrastruktur</li> <li>3. J/K Kemasyarakatan</li> </ol>
YAD Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' Hj Wan Mahmood bin Pawan Teh P.S.M, D.S.I.S, P.B.S Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Orang Besar Daerah Gombak	<p style="text-align: center;"><b>ZON 2</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Gombak Jaya</li> <li>- Taman Cemerlang</li> <li>- Taman Kamariah</li> <li>- Kg. Tengah Gombak</li> <li>- Kg. Kerdas</li> <li>- Taman Setia Gombak</li> <li>- Kg. Kenangan</li> <li>- Gombak Setia</li> <li>- Taman Perwira</li> <li>- Taman Harmonis</li> <li>- Kg. Sentosa Tambahan</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. J/K Kewangan</li> <li>2. J/K Infrastruktur</li> <li>3. J/K Kemasyarakatan</li> <li>4. J/K Pusat Setempat (OSC)</li> </ol>
Tuan Ahmad Usamah bin Zulkifli (AMANAHA)	<p style="text-align: center;"><b>ZON 3</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Greenwood</li> <li>- Taman Berlian</li> <li>- Taman Melewar Indah</li> <li>- Desa Minang</li> <li>- Taman Selaseh Fasa 1</li> <li>- Kg. Changkat</li> <li>- Taman Gombak</li> <li>- Taman Sahabat</li> <li>- Taman Berjaya</li> <li>- Taman Gombak Ria</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. J/K Perkhidmatan &amp; Teknologi Maklumat</li> <li>2. J/K Pengindahan Bandar</li> <li>3. J/K Kemasyarakatan</li> <li>4. J/K Penswastaaan &amp; Pelaburan</li> </ol>

<p>Tuan Anuar bin Jasmin (PKR)</p>	<p style="text-align: center;"><b>ZON 4</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Sri Gombak</li> <li>- Prima Sri Gombak</li> <li>- Taman Pinggiran Batu Caves</li> <li>- Indah Gemilang</li> <li>- Vistana Gemilang</li> <li>- Taman Gemilang</li> <li>- Kg. Melayu Sri Gombak</li> <li>- Taman Pinggiran Indah</li> <li>- Taman Bukit Permata</li> <li>- Taman Pinggiran</li> <li>- Astana Gemilang</li> <li>- Taman Pinggiran Permata</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. J/K Perkhidmatan &amp; Teknologi Maklumat\</li> <li>2. J/K Kewangan</li> <li>3. J/K Kemasyarakatan</li> </ol>
<p>Puan Ruhanah binti Masruki (PKR)</p>	<p style="text-align: center;"><b>ZON 5</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Selaseh Fasa 2</li> <li>- Taman Samudera</li> <li>- Apartment Cassmaria Gombak</li> <li>- Apartment Fiona Gombak</li> <li>- Taman Samudera Teres</li> <li>- Taman Desa Batu Caves</li> <li>- Kondominium Banjarja</li> <li>- Taman Industri Dolomite</li> <li>- Taman Sri Batu Caves</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. J/K Kemasyarakatan</li> <li>2. J/K Kawalan Perniagaan &amp; Kesihatan</li> <li>3. J/K Perkhidmatan &amp; Teknologi Maklumat</li> <li>4. J/K Audit &amp; Pengurusan Korporat</li> </ol>
<p>Tuan Amir Fazlee bin Khalid (KETUA WHIP PKR)</p>	<p style="text-align: center;"><b>ZON 6</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Jasa Utama</li> <li>- Taman Jasa</li> <li>- Kg. Sg. Tua Baharu dan Tanah Gantian</li> <li>- Kg. Sg. Kertas</li> <li>- Kg. Bahtera</li> <li>- Apartment &amp; Flat J A Manan</li> <li>- Taman Gombak Permai</li> <li>- Perkampungan Orang Asli Ulu Yam</li> <li>- Taman Jasa Pewira</li> <li>- Wira Damai</li> <li>- Kg. Jalan Bacang</li> <li>- Taman Desa Indah</li> <li>- Kg. Nakhoda</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. J/K Kewangan</li> <li>2. J/K Perkhidmatan &amp; Teknologi Maklumat</li> <li>3. J/K Pusat Setempat (OSC)</li> <li>4. J/K Tender &amp; Sebutarga</li> <li>5. J/K Penswastaaan &amp; Pelaburan</li> <li>6. Pihak Berkuasa Melantik</li> <li>7. Lembaga Tatatertib</li> </ol>

<p>Tuan Deveandran A/L Selvaraju (PKR)</p>	<p style="text-align: center;"><b>ZON 7</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Laksamana</li> <li>- Taman Selayang</li> <li>- Taman Sri Astana</li> <li>- Putra Laksamana</li> <li>- Selayang Makmur</li> <li>- Kg. Laksamana</li> <li>- Villa Laksamana</li> <li>- Laksamana Permai/Town House</li> <li>- Kg. Selayang Baru</li> <li>- Kg. Selayang Permai</li> <li>- Taman Selayang Sejati</li> <li>- Flat Selayang Sejati</li> <li>- Kg. Mahkota</li> <li>- Suria Selayang</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. J/K Pengindahan Bandar</li> <li>2. J/K Kawalan Perniagaan &amp; Kesihatan</li> <li>3. J/K Kewangan</li> </ol>
<p>Tuan Mohammad Faizal Bin Ismail (PKR)</p>	<p style="text-align: center;"><b>ZON 8</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Sri Selayang</li> <li>- Kg. Baru Batu Caves</li> <li>- Taman Desa Putra</li> <li>- Medan Batu Caves</li> <li>- Medan Selayang</li> <li>- Taman Amaniah</li> <li>- Taman Batu Caves</li> <li>- Indian Settlement</li> <li>- Dataran Selayang</li> <li>- Sri Gotong Apartment</li> <li>- Kg Melayu Bt Caves</li> <li>- Taman Raintree</li> <li>- Simfoni Heights Kondominium</li> <li>- Wisma Keringat</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. J/K Kawalan Perniagaan &amp; Kesihatan</li> <li>2. J/K Pengindahan Bandar</li> <li>3. J/K Infrastruktur</li> </ol>
<p>Tuan Muhammad Syamsuzzaman bin Mohd Suhaimi  (DAP)</p>	<p style="text-align: center;"><b>ZON 9</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sunway Batu Caves</li> <li>- Dolomite</li> <li>- Kawasan Industri Batu Caves</li> <li>- Centrepont Batu Caves</li> <li>- Kg. Gombak Indah</li> <li>- Taman Industri Bolton</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. J/K Kawalan Perniagaan &amp; Kesihatan</li> <li>2. J/K Perkhidmatan &amp; Teknologi Maklumat</li> <li>3. J/K Kewangan</li> <li>4. J/K Penswastaaan &amp; Pelaburan</li> </ol>



<p>Tuan Ahmad Zahiri bin Zahid Sofian (AMANAHA)</p>	<p style="text-align: center;"><b>ZON 10</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kg. Selayang Pandang</li> <li>- Apartment Kota Warisan</li> <li>- Taman Selayang Baru</li> <li>- Kawasan Perindustrian Taman Selayang Baru</li> <li>- Taman Selayang Segar</li> <li>- Kg. Selayang Indah</li> <li>- Kg. Lembah Indah</li> <li>- Pangsapuri Taman Pinggiran Indah Blok Camar</li> <li>- Kawasan Perindustrian Selayang Indah</li> <li>- Stadium MPS &amp; Kawasan Sekitar</li> <li>- Taman Selayang Mutiara</li> <li>- Kg. Bendahara</li> <li>- Taman Bandar Baru Selayang Fasa 2A</li> <li>- Taman Bandar Baru Selayang Fasa 2B</li> <li>- Apartment Julia</li> <li>- Apartment Selayang Mulia</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. J/K Infrastruktur</li> <li>2. J/K Pusat Setempat (OSC)</li> <li>3. J/K Penswastaan &amp; Pelaburan</li> <li>4. J/K Tender &amp; Sebutharga</li> <li>5. J/K Kewangan</li> </ol>
<p>Tuan Wan Anwar bin Wan Ibrahim (KETUA WHIP AMANAHA)</p>	<p style="text-align: center;"><b>ZON 11</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- One Selayang - IPD Gombak</li> <li>- Hospital Selayang - Emerald Evaneue</li> <li>- Pinggiran Templer - One Sierra</li> <li>- Sierra Selayang - UITM Selayang</li> <li>- Taman Bukit Idaman</li> <li>- Kawasan Industri Selayang Baru</li> <li>- Puncak Templer</li> <li>- Selayang Heights</li> <li>- Taman Prima Selayang</li> <li>- Taman - Taman Templer Park</li> <li>- Kawasan Industri Prima Selayang</li> <li>- Prima Selayang</li> <li>- Taman Perumahan (Mah Sing)</li> <li>- Bandar Baru Selayang, Persiaran 1,2, &amp; 3</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. J/K Perkhidmatan &amp; Teknologi Maklumat</li> <li>2. J/K Kawalan Perniagaan &amp; Kesihatan</li> <li>3. J/K Infrastruktur</li> <li>4. J/K Kewangan</li> <li>5. J/K Penswastaan &amp; Pelaburan</li> </ol>
<p>Tuan U Chin Ong (KETUA WHIP DAP)</p>	<p style="text-align: center;"><b>ZON 12</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Bidara</li> <li>- Taman Sri Melati</li> <li>- Taman Selayang Jaya</li> <li>- Taman Selayang Bahagia</li> <li>- Taman Selayang Utama</li> <li>- Taman Selayang Indah</li> <li>- Selayang Capital</li> <li>- Taman Selayang Permai</li> <li>- 280 Residency Kondominium</li> <li>- Selayang Point Kondominium</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. J/K Kewangan</li> <li>2. J/K Infrastruktur</li> <li>3. J/K Kemasyarakatan</li> <li>4. J/K Penswastaan &amp; Pelaburan</li> <li>5. J/K Pusat Setempat (OSC)</li> </ol>

<p>Puan Tam Kar Lye (DAP)</p>	<p style="text-align: center;"><b>ZON 13</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Daya</li> <li>- Kepong Hulu</li> <li>- Taman Indah Perdana</li> <li>- FRIM</li> <li>- Paragon Utama</li> <li>- Ivory Apartment</li> <li>- Taman Perusahaan Selayang Utama</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. J/K Pengindahan Bandar</li> <li>2. J/K Perkhidmatan &amp; Teknologi Maklumat</li> <li>3. J/K Audit &amp; Pengurusan Korporat</li> </ol>
<p>Tuan Haji Sulaiman bin Abu Samah (PKR)</p>	<p style="text-align: center;"><b>ZON 14</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Setia</li> <li>- Taman Kanching Jaya</li> <li>- Taman Setia Jaya</li> <li>- Kg. Melayu Bt. 16</li> <li>- Flat Taman Setia</li> <li>- Kg Sg Samak</li> <li>- Desa Sri Bayu</li> <li>- Taman Jati</li> <li>- Kg. Sg. Terentang</li> <li>- Taman PKNS Bt 17</li> <li>- Kg. Dato' Lee Kim Sai</li> <li>- Industri Rawang Perdana</li> <li>- Taman Tun Teja</li> <li>- Taman PKNS Batu 16</li> <li>- Kg. Sepakat</li> <li>- Kg. Kenanga</li> <li>- Rawang Putra</li> <li>- Taman Bersatu</li> <li>- Taman Muhibbah</li> <li>- Taman Tun Perak</li> <li>- Kenanga Residen</li> <li>- Taman Mawar</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. J/K Kewangan</li> <li>2. J/K Pengindahan Bandar</li> <li>3. J/K Perkhidmatan &amp; Teknologi Maklumat</li> <li>4. J/K Penswastaaan &amp; Pelaburan</li> </ol>
<p>Tuan Haji Muhammad Najmi bin Samsudin (DAP)</p>	<p style="text-align: center;"><b>ZON 15</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bermula RP 1- RP 9,</li> <li>- Bukit Rawang Jaya</li> <li>- Kg. Tanjung</li> <li>- Kawasan Industri Batu 20</li> <li>- Green Park</li> <li>- Kg. Rajah</li> <li>- Kg. Pekan Rawang</li> <li>- Bandar Rawang Baru &amp; Lama</li> <li>- Taman Rawang Perdana 1 &amp; 2</li> <li>- Taman Rawang Mutiara</li> <li>- Kg. Lim Tan</li> <li>- Taman Sri Hijau</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. J/K Kewangan</li> <li>2. J/K Infrastruktur</li> <li>3. J/K Penswastaaan &amp; Pelaburan</li> <li>4. J/K Tender &amp; Sebutharga</li> </ol>

<p>Tuan Anmuniandy a/l Vellymalai (PKR)</p>	<p style="text-align: center;"><b>ZON 16</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sri Rawang</li> <li>- Kuala Garing</li> <li>- Taman Sri Garing</li> <li>- Taman Garing Permai</li> <li>- Taman Garing Utama &amp; Taman Sekitarnya</li> <li>- Emerald East</li> <li>- Emerald West</li> <li>- AEON Rawang / Taman Anggun</li> <li>- Sg. Dua</li> <li>- Taman Bayu Permai</li> <li>- Kawasan Industri Belmas Johan &amp; sekitarnya</li> <li>- IPMC</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. J/K Kemasyarakatan</li> <li>2. J/K Pengindahan Bandar</li> <li>3. J/K Infrastruktur</li> </ol>
<p>Puan P.Mariammal A/P S.Ponnusamy (DAP)</p>	<p style="text-align: center;"><b>ZON 17</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jalan Batu Arang sehingga Perkuburan Islam BCH</li> <li>- Bandar Country Homes &amp; Taman sekitar BCH</li> <li>- Taman Desa Mas</li> <li>- Bandar Country Homes</li> <li>- Puteri Heights / Taman sekitar</li> <li>- Taman Velox</li> <li>- Kota Bidari</li> <li>- Saujana Rawang</li> <li>- Kg. Sungai Bakau / Kg. Sg. Bakau tambahan</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. J/K Kemasyarakatan</li> <li>2. J/K Kawalan Perniagaan &amp; Kesihatan</li> <li>3. J/K Pengindahan Bandar</li> <li>4. JK Perkhidmatan &amp; Teknologi Maklumat</li> </ol>
<p>Puan Loo Voon May (PKR)</p>	<p style="text-align: center;"><b>ZON 18</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Batu Arang</li> <li>- Kg. Melayu Tambahan</li> <li>- Rumah Murah PKNS Batu Arang</li> <li>- Taman Muhibbah</li> <li>- Bukit Nenas, Batu Arang</li> <li>- Kawasan Industri Kota Puteri</li> <li>- Bandar Tasik Puteri</li> <li>- Taman Kota Puteri</li> <li>- Taman M-Residensi</li> <li>- Pangsapuri Desa Puteri / Sekitarnya</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. J/K Infrastruktur</li> <li>2. JK Perkhidmatan &amp; Teknologi Maklumat</li> <li>3. J/K Kawalan Perniagaan &amp; Kesihatan</li> </ol>

<p>Puan Hjh. Salasiah binti Hj. Disa (PKR)</p>	<p style="text-align: center;"><b>ZON 19</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Rumah Awam Ladang Baru - Tasik Biru</li> <li>- Taman Rahmat Jaya - Kg. Damai</li> <li>- Kg. Cempedak - Kg. Gombak</li> <li>- Kg. Setia Kuang - Pekan Kuang</li> <li>- Kg. Melayu Sri Kundang - Rumah Murah Kuang</li> <li>- Kg. Batu 20 Kuang - Kundang Mardi</li> <li>- Kg. Permata Kundang - Kuang Raya</li> <li>- Kg. Baru Cina Kundang - Kg. Sg. Serai</li> <li>- Bandar Baru Kundang</li> <li>- Taman Kundang Jaya</li> <li>- Taman Desa Kundang</li> <li>- Kawasan Industri Kundang Jaya</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>J/K Pengindahan Bandar</b></li> <li>2. <b>J/K Audit &amp; Peng. Korporat</b></li> <li>3. <b>J/K Kemasyarakatan</b></li> </ol>
<p>Tuan Ranjan bin Che' Ros (AMANAHA)</p>	<p style="text-align: center;"><b>ZON 20</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Matang Jaya</li> <li>- Taman Impian Indah</li> <li>- Taman Sri Putra Mas</li> <li>- Saujana Akasia</li> <li>- Kg. Matang Pagar</li> <li>- Taman Sri Putra1, 2 &amp; 3</li> <li>- Kg. Orang Asli Kuang</li> <li>- Kg. Bunga Raya</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>J/K Kawalan Perniagaan &amp; Kesihatan</b></li> <li>2. <b>J/K Pengindahan Bandar</b></li> <li>3. <b>J/K Kemasyarakatan</b></li> <li>4. <b>J/K Audit &amp; Peng. Korporat</b></li> </ol>
<p>Puan Zuraidah binti Abdul Majid (PKR)</p>	<p style="text-align: center;"><b>ZON 21</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- UITM Sg Buloh</li> <li>- Kg. Bukit Lagong</li> <li>- Kg. Org Asli Sg Buloh</li> <li>- Hospital Kusta</li> <li>- Hospital Sg Buloh</li> <li>- Kg. Melayu Sg Buloh</li> <li>- Magilds Industri Park</li> <li>- Taman Desa Bkt Indah</li> <li>- Kg. Sri Indah A Dan B</li> <li>- Danau Rebung</li> <li>- Danau Sri</li> <li>- Danau Bayu</li> <li>- BRP 10</li> <li>- Taman Bukit Indah</li> <li>- Kuari Henson</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>J/K Infrastruktur</b></li> <li>2. <b>J/K Pengindahan Bandar</b></li> <li>3. <b>J/K Kawalan Perniagaan &amp; Kesihatan</b></li> </ol>

<p>Tuan Fok Wai Mun (PKR) (Zon Angkat)</p>	<p style="text-align: center;"><b>ZON 22</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Amansari</li> <li>- Taman Tiara Putra</li> <li>- Taman Tiara Putri</li> <li>- Bukit Rahman Putra 7/1,7/2,7/3</li> <li>- Taman Villa Putra</li> <li>- Kawasan Industri SB Jaya</li> <li>- Kawasan Industri Kg. Jaya</li> <li>- Kawasan Industri Putra</li> <li>- Pinggiran Rahman Putra</li> <li>- Taman Tropika Putra</li> <li>- Taman Idaman Putra</li> <li>- Taman Azalea Putra</li> </ul>	
<p>Tuan Cheong Heng Wai (DAP)</p>	<p style="text-align: center;"><b>ZON 23</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Sri Aman Height</li> <li>- Sierramas</li> <li>- Valencia</li> <li>- Taman Suria</li> <li>- Kg. Desa Aman</li> <li>- Damansara Suria</li> <li>- Taman Desa Aman</li> <li>- Taman Wangsa Aman</li> <li>- Taman Perindustrian Tago</li> <li>- Kawasan Perindustrian KIP</li> <li>- Kawasan Industri Desa Aman</li> <li>- Villa Mas</li> <li>- Kg. Masjid</li> <li>- Kg. Sri Bunga</li> <li>- Wangsa Permai</li> <li>- Sierramas West</li> <li>- Desa Aman Puri</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. J/K Pengindahan Bandar</li> <li>2. J/K Kawalan Perniagaan &amp; Kesihatan</li> <li>3. J/K Kemasyarakatan</li> </ol>
<p>Tuan Fok Wai Mun (PKR)</p>	<p style="text-align: center;"><b>ZON 24</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Puncak Desa</li> <li>- Taman Bukit Desa</li> <li>- Desa Jaya Kepong</li> <li>- Taman Sri Ehsan</li> <li>- Taman Usaha Jaya</li> <li>- Taman Industri Ehsan Jaya</li> <li>- Kawasan Industri Bukit Desa</li> <li>- Taman Desa Jaya</li> <li>- Taman Ehsan</li> <li>- Taman Ehsan Timur</li> <li>- Kawasan Industri Taman Ehsan</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. J/K Kewangan</li> <li>2. J/K Kawalan Perniagaan &amp; Kesihatan</li> <li>3. J/K Infrastruktur</li> <li>4. J/K Penswastan &amp; Pelaburan</li> </ol>

8. Senarai zon Ahli Majlis dan keanggotaan jawatankuasa yang saya bentangkan tadi boleh dirujuk di laman web Majlis Perbandaran Selayang.
9. Jadi saya harap semua Ahli Majlis di setiap zon masing-masing dapat menjalankan khidmat bakti dan menyantuni masyarakat di kawasan yang telah diamanahkan serta melaksanakan tanggungjawab walau di mana kawasan yang telah ditetapkan oleh pihak MPS. Sikap toleransi dan saling bekerjasama amat penting demi menjaga nama baik MPS dimata masyarakat.

### **PELANTIKAN SEBAGAI AHLI MAJLIS ZON ANGKAT MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

10. Untuk makluman semua, berkuatkuasa Januari 2021, Tuan Fok Wai Mun, Ahli Majlis Zon 24 telah dilantik sebagai Ahli Majlis Zon Angkat bagi kawasan Zon 22. Pelantikan ini berkuatkuasa sehingga pelantikan Ahli Majlis yang baharu dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor

## **PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN**

11. Seterusnya adalah prestasi semasa kutipan cukai taksiran. Untuk makluman, sehingga 31 Disember 2020, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2020 sebanyak RM93.18 juta (87.09%) daripada RM107 juta.
12. Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM5.02 juta (72.24%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM6.9 juta.
13. MPS telah mengeluarkan waran tahanan bagi pemilik yang mempunyai tunggakan RM200.00 ke atas bermula 1 Oktober 2020. Sebanyak 29,772 keping waran telah dikeluarkan dan sehingga 31 Disember 2020, semua waran telah selesai dihantar.
14. Kepada pemilik yang ingin menjelaskan tunggakan cukai taksiran, pemilik layak diberi pertimbangan pengurangan waran tahanan bagi bayaran secara penuh atau ansuran.

Maklumat mengenai kelayakan pengurangan boleh diperolehi di kaunter bayaran cukai taksiran MPS.

15. Seperti semua maklum, MPS pada penghujung tahun yang lalu telah pun memulakan penghantaran bil secara digital kepada semua pemilik yang telah berdaftar. Ingin saya ingatkan disini kepada pemilik yang belum berbuat demikian, anda boleh membuat pendaftaran maklumat masing-masing untuk memastikan bil digital anda diterima melalui pendaftaran di aplikasi MyMPS iaitu [MyMPS.gov.my](http://MyMPS.gov.my).
16. Bagi menggalakkan penggunaan aplikasi ini, MPS telah mengadakan satu kempen promosi iaitu Kempen Daftar, Bayar dan Menang yang akan berakhir pada 28 Februari 2021 ini. Saya menyeru kepada semua pemilik harta di pentadbiran Selayang untuk tidak melepaskan peluang mengemaskini maklumat bil digital dan membuat pembayaran bagi memenangi cabutan bertuah utama yang akan diadakan pada bulan Mac 2021. Maklumat cabutan bertuah boleh didapati di laman web MPS.



17. Selain itu, cenderahati berupa payung golf telah diedarkan kepada pembayar cukai terawal yang membayar untuk setahun bagi tahun 2021. Sebanyak 5,250 unit payung telah habis diedarkan.

## **PEMAKLUMAN JUMLAH KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK DI NEGERI SELANGOR**

18. Selain itu juga, saya ingin memaklumkan kepada semua, mengenai jumlah kutipan bagi Program Kutipan Caj Beg Plastik di Negeri Selangor. Sehingga 31 Disember 2020, MPS telah membuat kutipan sebanyak RM292,513.50 dan telah membuat serahan 60% iaitu berjumlah RM175,508.10 kepada Kerajaan Negeri Selangor.
19. Ianya adalah selaras dengan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) SPBT telah dikeluarkan berhubung pemakaian garis panduan pentadbiran Program Kutipan Caj Beg Plastik Di Negeri Selangor. Caj kutipan beg plastik yang dikenakan oleh premis-premis perniagaan yang terlibat akan diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan. 60% daripada

jumlah kutipan akan disalurkan kepada Akaun Tabung Amanah Kerajaan Negeri Selangor dan 40% ke akaun tabung amanah yang ditetapkan oleh PBT untuk kegunaan program-program berkaitan alam sekitar.

20. MPS juga mensyaratkan mana-mana syarikat yang membuat kutipan caj RM0.20 supaya mendaftar di bawah Program Kutipan Caj Beg Plastik dan borang pendaftaran boleh didapati di laman sesawang Majlis Perbandaran Selayang.

### **PEMAKLUMAN PEMBAHARUAN LESEN 2021**

21. Seterusnya, bagi aktiviti pembaharuan lesen 2021, tarikh akhir bagi pembaharuan lesen adalah pada 28 Februari 2021. Pembayaran selepas tarikh ini akan dikenakan caj fi proses lewat sebanyak 10% daripada jumlah lesen. Jadi, saya berharap semua pemegang lesen maklum mengenai tarikh akhir ini dan semua Ahli Majlis dapat membantu untuk menwar-warkan di zon masing-masing.

## **PEMAKLUMAN TIADA PENJUALAN PERMIT PERNIAGAAN THAIPUSAM 2021**

22. Seperti semua sedia maklum, esok merupakan Sambutan Thaipusam yang akan disambut oleh penganut beragama Hindu. Namun, atas faktor risiko jangkitan dan penularan wabak Covid-19, aktiviti sambutan perayaan seperti tahun-tahun yang lalu tidak dibenarkan termasuklah aktiviti permit penjaja di tapak Thaipusam,

### **YAD TAN SRI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,**

### **PENCAPAIAN SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT) BAGI TAHUN 2021**

23. Sesi perbentangan pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2020 dan Sasaran Kerja Tahun 2021 telah diadakan pada 7 Januari hingga 9 Januari 2021.

24. Sesi perbentangan tersebut telah dijalankan dengan baik. Namun begitu, terdapat beberapa perkara lagi yang perlu diberi perhatian oleh setiap jabatan agar SKT yang telah kita tetapkan pada awal tahun ini dapat dicapai dan dilaksanakan dengan baik. Di sini, saya ingin menyeru

kepada semua pengarah agar dapat mengambil tindakan seperti yang telah dibincangkan di dalam pembentangan berkenaan.

## **AKTIVITI PEMANTAUAN SEPANJANG PKP 2.0**

25. Seterusnya, saya ingin kongsi mengenai aktiviti pemantauan bermula 13 Januari sehingga 26 Januari 2020. Untuk makluman, MPS telah membuat pemeriksaan ke atas 85 premis termasuk penjaja dan mengeluarkan 9 kompaun terhadap pelbagai kesalahan termasuklah tidak memiliki lesen perniagaan, menimbulkan halangan di kaki lima, kacau ganggu dan lain-lain lagi. 11 notis arahan untuk menghentikan aktiviti turut dikeluarkan sepanjang tempoh tersebut. Sepanjang aktiviti pemantauan diadakan sehingga hari ke-15, MPS telah memberi amaran, peringatan dan mengarahkan untuk menutup operasi kepada para peniaga yang ingkar dengan arahan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri.

## **PEMAKLUMAN WAKTU OPERASI KAUNTER MPS**

26. Untuk makluman juga, bagi memberi kemudahan dan perkhidmatan kepada para pelanggan untuk berurusan dengan MPS, perkhidmatan kaunter dibuka seperti biasa di Lobi Sayap A, Menara MPS dari jam 8.30 pagi sehingga 2.30 petang. Manakala pada hari Jumaat, perkhidmatan kaunter akan dibuka dari jam 8.30 pagi sehingga 12.00 tengah hari. Walaubagaimanapun, saya amat menggalakkan orang ramai untuk berurusan secara atas talian bagi mengelakkan daripada berlakunya penularan wabak Covid-19.

## **PATUHI SOP DI TEMPAT KERJA**

27. Memandangkan peningkatan kes sporadik dalam kalangan komuniti sehingga mewujudkan kluster-kluster baharu, saya ingin mengingatkan kepada semua untuk sentiasa mematuhi SOP yang telah digariskan dengan memakai pelitup muka dengan betul, menjaga jarak fizikal, menggunakan *hand sanitizer* dan kekerapan membasuh tangan. Saya berharap kita semua dapat menyokong usaha dan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan

dalam mengekang wabak Covid-19 ini dengan mematuhi arahan yang telah ditetapkan.

### **UCAPAN SELAMAT TAHUN BAHARU CINA**

28. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada semua Ahli Majlis yang menyambutnya. Semoga sambutan tahun ini, membawa kemakmuran, kegembiraan dan kebahagiaan kepada anda semua dan keluarga.

29. Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh